Media: Utusan Malaysia
Date: 25 Oct 2021

# Eratkan ikatan kekeluargaan dengan sajian enak

KESIBUKAN menjalani tugsan harian boleh menjadi penghalang dalam meluangkan masa bersama orang tersayang.

Lantaran itu, masa berkualiti bersama keluarga dan rakan menjadi antara hadiah terbaik yang dapat diberikan oleh seseorang.

Melalui sikap empati terhadap gaya hidup pelbagai, Syarikat Ajinomoto mewujudkan masa lapang melalui memasak secara bijak yang membolehkan sesiapa sahaja memasak dengan lebih mudah dan pantas.

Inisiatif ini mendorong syarikat tampil dengan dua varian Seri-Aji baharu, iaitu Tepung Goreng Pisang dan Tepung Goreng Cucur untuk membolehkan penyediaan snek minum petang cepat, mudah dan menyelerakan.

Produk baharu terdiri daripada perencah menu khusus ini dijangka dapat membantu pengguna menyediakan hidangan di rumah dengan cepat dan mudah.

Produk ini diperbuat daripada pelbagai tepung untuk menghasilkan tekstur rangup serta meningkatkan keenakan pisang goreng. Malah percikan aroma vanila manis memberikan rasa lebih menyelerakan.

Tepung yang baru dilancarkan ini adalah pelengkap sempurna untuk menyediakan snek gorengan enak dan lazat, lantaran ia diperkaya dengan pelbagai perencah dan rempah ratus yang dapat menambahkan tekstur rangup di bahagian luar dan lembut di dalam.

Ia juga sesuai untuk menggoreng bahan lain seperti makanan laut dan sayur-sayuran.

Menerusi rangkaian produk Seri-Aji syarikat berharap dapat meringankan beban suri rumah dan ibu bapa yang bekerja ketika menyediakan hidangan berkhasiat buat keluarga tersayang.



PRODUK tepung goreng Seri-Aji ini membantu meringankan kerja memasak di rumah.